

Penterjemahan Simpulan Bahasa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans

MUHAMMAD FAUZI JUMINGAN
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

Kata kunci: Simpulan bahasa, penterjemahan Arab-Melayu, teori Relevans, set andaian

ABSTRAK

Pada abad ke-20 ini, telah muncul beberapa teori dan pendekatan baru dalam dunia penterjemahan moden. Antaranya seperti teori dinamik oleh Nida dan Taber (1967), teori semantik dan komunikasi oleh Newmark (1981) teori skopos oleh Vermeer dan Reis (1981), dan teori sastera oleh Larson (1984). Secara dasarnya, kesemua teori ini lebih menumpukan kajian pada produk penterjemahan itu sendiri yang dikenali sebagai karya (hasil) terjemahan. Walau bagaimanapun, pada akhir abad ke-20 ini muncul satu teori baru dalam komunikasi manusia. Teori ini cuba menafikan konsep lama dalam komunikasi yang menggarap prinsip komunikasi sebagai pengekod—transmisi-penyahkod. Dengan kata lain, komunikasi menurut teori ini harus melibatkan pemprosesan idea dan minda manusia yang sepatutnya bekerja dalam membuat keputusan tentang sesuatu komunikasi. Teori ini dinamakan teori relevans (TR) yang telah diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986/1995). Teori ini kemudiannya telah dikembangkan oleh Gutt dalam disiplin penterjemahan pada tahun 1991. Oleh itu, makalah ini cuba melihat penerapan TR dalam penterjemahan Arab-Melayu, khususnya dalam aspek simpulan bahasa (SB). Bagaimana konsep dua makna ini dihasilkan dan manakah makna yang dikehendaki oleh penulis asal akan cuba dijawab oleh TR.

ABSTRACT

At the end of the twentieth century, theories and approaches were introduced in the field of translation. Amongst these theories were dynamic theory by Nida and Taber (1967), semantic and communication theory by Newmark (1981), scopos theory by Vermeer and Reis (1981), and literature theory by Larson (1984). Basically, all of these theories have been more focused on the product of translation. There was also a new theory of translation that was proposed in the field of human communication. Actually, this theory had rejected the old concept of communication that was based on the system of coding-transmission-decoding. In other words, based on this new theory, the process of communication must involve the process of the human mind. Later on, this process would make a decision on communication. This theory was named the Relevance Theory (TR) that was developed by Sperber and Wilson (1986/1995). After that, TR was developed by Gutt in the field of translation. This article will discuss the application of TR in the Arabic-Malay translation. How the concept of two meanings operated and which one is the real meaning will be answered by TR.

PENGENALAN

Simpulan bahasa (SB) ialah sejenis gaya bahasa sastera yang agak sukar diterjemahkan. Oleh kerana ia melibatkan konsep dua makna, iaitu tersurat dan tersirat (*external and internal meaning*) maka penterjemah akan menghadapi kesukaran dalam menterjemahkan SB tersebut. Simpulan

bahasa juga dikenali sebagai bahasa figuratif (BF). Lazimnya, BF ini menekankan makna tersirat sebagai makna sebenar sesuatu ujaran. Walau bagaimanapun, kesukaran penterjemahan BF begini dapat diselesaikan dengan pendekatan teori relevans (TR) yang mengusulkan teknik penterjemahan langsung (PL) atau *direct*

translation. Dengan berbekalkan konsep set andaian dan proses membuat rumusan atau deduksi terhadap set andaian itu maka sesuatu penterjemahan SB itu kelihatan mudah. Oleh itu, makalah ini cuba melihat bagaimana TR ini beroperasi dalam penterjemahan SB yang menjurus pada data sastera Arab-Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Banyak teori penterjemahan moden hanya melihat aktiviti penterjemahan pada tahap hasil yang telah diterjemahkan, iaitu produk terjemahan itu sendiri. Lantaran itu, timbunan teori ini agak bertentangan sesama sendiri dalam mengemukakan teknik terbaik dalam membuat terjemahan. Perselisihan ini memuncak hingga ke tahap definisi terjemahan itu sendiri kurang disepakati. Dalam pada itu, belum ada mana-mana teori pun yang cuba melihat proses penterjemahan pada tahap praproduk. Maksudnya, bagaimana sesuatu proses penterjemahan itu berlaku dalam pemikiran penterjemah dan pembaca sasaran tidak pernah dirungkai atau dijelaskan. Pada hal, tahap praproduk inilah fasa yang terpenting dalam menghasilkan terjemahan yang terbaik.

Selain itu, timbunan teori yang disebutkan sebelum ini lebih mementingkan 'keeselesaian' pembaca sasaran. Maksudnya, ramai penterjemah yang menggunakan deretan teori tadi cuba mengadaptasi ciri dan unsur asal teks sumber bagi memudahkan pemahaman mereka. Tindakan begini menyebabkan banyak keaslian ciri teks sumber terkorban.

Berdasarkan kedua-dua masalah di atas tadi, maka makalah ini cuba menyarankan TR sebagai jalan penyelesaiannya. Dengan berbekalkan teknik PL maka kedua-dua masalah itu cuba diselesaikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Sebenarnya, makalah ringkas ini cuba memperkenalkan sesuatu yang agak 'baharu' dalam kajian bidang penterjemahan. Oleh itu, antara objektif yang disarankan adalah seperti berikut:

1. Melihat proses praproduk yang berlaku dalam minda atau kognisi manusia semasa aktiviti penterjemahan dilakukan.
2. Memperkenalkan teknik PL sebagai jalan penyelesaian terhadap kehilangan banyak unsur asal teks sumber.
3. Melihat peranan ilmu pragmatik dan semantik dalam penterjemahan.

Batasan Kajian

Sebenarnya, kajian dalam makalah ini hanya membataskan skop-skop tertentu sahaja agar analisis kajian dapat dibuat dalam bentuk yang mudah difahami. Oleh itu, analisis ini hanya menumpukan aspek berikut:

1. Konsep SB sahaja dan bukan konsep lain dalam BF seperti metafora dan simile.
2. Data sastera yang terdapat dalam novel *Masrur dan Makrur* (MDM) dan bukan data lain yang dihasilkan oleh penterjemah MDM.

KERANGKA KERJA / TEORI ANALISIS

Seperti yang terdapat pada judul makalah ini maka kerangka kerja yang akan digunakan ialah TR yang lazim digunakan dalam analisis ujaran lisan dan bukan lisan. Beberapa konsep penting dalam TR akan cuba dijelaskan agar analisis yang dibuat nanti mudah difahami. Antara konsep atau definisi penting dalam TR yang akan diperjelaskan ialah inferensi/deduksi (membuat rumusan), set andaian, konteks dan kesan konteks, serta penterjemahan langsung (PL). Kesemua konsep ini akan dijelaskan dalam subtopik berikutnya.

Selain itu juga, bagi tujuan perbandingan maka satu lagi antonim bagi teknik PL akan juga dianalisis. Teknik tersebut dipanggil penterjemahan tidak langsung (PTL). Perbandingan ini nanti dapat menyerlahkan lagi ketepatan dan keistimewaan PL dalam penterjemahan genre sastera berbanding teknik PTL.

Definisi Konsep

Dalam makalah ini, terdapat beberapa istilah penting yang harus diterangkan untuk pemahaman yang lebih jelas. Istilah itu merangkumi istilah dalam judul makalah dan istilah penting dalam perbahasan TR. Antara istilah tersebut ialah:

1. Teori Relevans

Teori relevans (TR) ialah satu teori komunikasi yang dihasilkan oleh Sperber dan Wilson (dalam Gutt 1992). Teori ini menekankan korelevanan sesuatu ujaran dengan menggunakan pendekatan konteks dan kesan konteks. Definisi TR ialah semakin banyak kesan konteks maka semakin relevanlah ujaran itu; semakin sedikit usaha memproses yang digunakan maka semakin

relevanlah sesuatu ujaran itu (Nor Hashimah Jalaluddin 1992:33-34).

2. Simpulan Bahasa

Simpulan bahasa (SB) ialah ungkapan yang biasanya terdiri daripada dua atau tiga perkataan dan mempunyai makna yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan tersebut. Misalnya SB **hari jadi**, **langkah kanan**, dan **orang asing** (Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan, 1993: 22-25).

3. Inferensi/Deduksi (Membuat Rumusan)

Inferensi ialah satu proses membuat rumusan atau keputusan terhadap set andaian yang terhasil daripada sesuatu ujaran lisan dan bukan lisan. Misalnya, konteks menyatakan bahawa Ahmad akan pergi ke kelas kalau hari tidak hujan. Konteks yang berikutnya membuktikan bahawa hujan tidak turun. Lantaran itu, inferensi atau kesan konteks yang terhasil ialah Ahmad akan pergi ke kelas.

4. Konteks

Konteks ialah sebarang andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Ia tidak terhad pada maklumat yang paling dekat tetapi merangkumi masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan agama, andaian tentang budaya, dan kepercayaan penutur (Nor Hashimah 1992: 34). Misalnya, bercium di khalayak ramai, dalam budaya Inggeris ialah sesuatu yang biasa dan tidak salah. Tetapi dalam konteks budaya Melayu, ia merupakan satu perbuatan sumbang.

5. Kesan Konteks

Kesan konteks ialah tafsiran/jawapan sebenar sesuatu ujaran yang dihasilkan setelah sesuatu set andaian dihasilkan (Gutt, 1992). Misalnya, ayat ketaksaan "Saya nak beli ketam". Ayat ini menghasilkan beberapa andaian dalam kognisi (pemikiran pembaca). Antara andaian yang mungkin terhasil ialah a) ketam, iaitu sejenis makanan laut, b) ketam, iaitu sejenis alat pertukangan. Yang manakah yang dimaksudkan oleh pengujar hanya akan ditentukan oleh konteks yang melatari perbuatan tersebut.

Jawapan sebenar kepada maksud ujaran itu yang mengikut konteks sebenar, maka ia dinamakan kesan konteks.

6. Set Andaian

Set andaian ialah ramalan atau pemikiran pembaca/ pendengar tentang sesuatu ujaran yang dikomunikasikan. Misalnya dalam ayat **Aminah berbadan dua**, set andaian yang terhasil di pemikiran pendengar ialah Aminah mengandungi atau badan Aminah sudah dipotong dua (terpisah badannya). Konteks yang akan menentukan makna sebenar maksud ujaran itu.

7. Penterjemahan Langsung

Penterjemahan langsung (PL) ialah teknik penterjemahan yang disarankan oleh Gutt (1992) dalam TR. Maksud PL ialah penterjemah menterjemahkan semua makna leksikal yang ada dalam sesuatu ujaran seperti frasa dan klausa tanpa mengubahnya menurut bahasa sasaran. PL banyak digunakan dalam penterjemahan sastera seperti BF. Misalnya BF *as white as snow* maka teknik PLnya ialah putih seperti salji dan bukan putih seperti santan yang mengikut budaya Melayu.

PEMAPARAN DATA

Secara umumnya, data yang digunakan terbahagi dua, iaitu data PL dan data PTL. Data PL akan dianalisis dahulu dan kemudian baru diikuti data PTL.

Simpulan Bahasa secara PL

1. "Yabdu `anna **syayatin al-riyah** gad 'utliqat min 'iqaliha...(TSA: 12)

"Nampaknya, **syaitan-syaitan angin** itu terlepas dari kekangannya...(TSM: 3)

Dalam TSA di atas terdapat simpulan bahasa yang tertumpu pada frasa *syayatin al-riyah* (syaitan-syaitan angin). Terjemahan yang digunakan dalam SB ini ialah teknik PL. Semua leksikal Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan SB begini menghasilkan set andaian berikut:

- a. syaitan yang bertugas membawa angin
- b. syaitan yang berbentuk angin
- c. angin deras (puting beliung)

Set andaian di atas akan menerjah masuk ke minda pembaca sasaran. Lantaran itu, mereka akan memproses set andaian yang paling relevan dengan konteks asal. Andaian yang lemah akan digugurkan. Setelah dibuat deduksi maka andaian (c) merupakan andaian yang paling relevan. Dua andaian sebelum itu, iaitu (a) dan (b) ialah andaian lemah dan sukar diproses. Sukar diproses bermaksud ia tidak selari dengan konteks asal. Oleh itu, andaian (c) dianggap sebagai kesan konteks atau interpretasi sebenar penterjemahan SB di atas.

2. "... *wa rubbama wajadta man yulbisuhu taj al-syaraf*. (TSA: 13)

"Mungkin awak akan mendapati orang memakaikan **mahkota kehormatan** kepadanya (TSM: 4)

Dalam TSM di atas juga terdapat SB, iaitu frasa *taj al-syaraf* (mahkota kehormatan). SB ini telah diterjemahkan mengikut teknik PL. Semua makna leksikal TSA telah diterjemahkan ke bahasa Melayu. Berdasarkan terjemahan itu maka SB tersebut melahirkan set andaian berikut:

- mahkota lambang kehormatan
- mahkota merupakan benda yang paling dihormati
- kehormatan setaraf dengan mahkota berlian

Berdasarkan set andaian di atas maka andaian (a) merupakan andaian yang paling relevan mengikut konteks teks sumber. Andaian (b) dan (c) merupakan andaian yang lemah lalu ia digugurkan. Oleh itu, andaian (a) dianggap sebagai kesan konteks atau jawapan sebenar penterjemahan SB tersebut. Semua ini dihasilkan setelah proses deduksi dibuat dalam minda pembaca secara psikologi.

3. "*Kana yastadifu al-wazir al-awwal wa qadi al-qudat wa kabir al-bassin wa ra'is al-wuzara*..." (TSA: 15)

"Dia menerima kunjungan oleh **menteri kanan**, ketua hakim, ketua perisik, dan perdana menteri (TSM: 6)

Dalam TSA di atas juga terdapat SB yang telah diterjemahkan secara PL, iaitu SB *al-wazir al-awwal* (perdana menteri/menteri pertama). Setiap makna leksikal dalam TSA tersebut telah

diterjemahkan satu persatu. Penterjemahan PL begini telah menghasilkan set andaian berikut:

- menteri yang mula-mula dilantik
- menteri paling kanan
- menteri paling tua (senior)

Set andaian di atas ini akan terhasil dalam minda pembaca sasaran. Mereka akan memproses set andaian tersebut secara psikologi. Proses psikologi ini dibuat secara inferensi bagi menghasilkan kesan konteks yang paling relevan dengan konteks asal. Berdasarkan konteks yang dibekalkan dalam teks sumber maka andaian (b) merupakan andaian yang paling relevan. Andaian lain tidak konsisten dengan konteks asal teks sumber lalu ia digugurkan. Oleh itu, andaian (b) menjadi kesan konteks sebenar penterjemahan SB tersebut setelah proses deduksi dibuat secara psikologi.

Simpulan Bahasa secara PTL

4. "*Jalasa Magrur fi sijnihi radiyan kulla al-rida*..." (TSA: 29)

"Makrur duduk dengan **hati tenang** di dalam penjara..." (TSM: 18).

Dalam TSA di atas terdapat SB yang diterjemahkan secara PTL, iaitu *radiyan kulla al-rida* (hati tenang). Penterjemah telah mengadaptasi penterjemahan SB itu mengikut tafsirannya sendiri bagi memudahkan pembaca sasaran. Sepatutnya, penterjemahan PLnya ialah akur seakur-akurnya atau reda sereda-redanya. Berdasarkan teknik PTL yang digunakan maka ia menghasilkan set andaian berikut:

- Jiwa Makrur tenang
- Makrur tidak gelisah

Berdasarkan konteks sebenar dalam teks sumber, kedua-dua andaian di atas ini tidak konsisten dengan kerelevanan teks sumber. Dengan kata lain, set andaian tersebut bukan kesan konteks yang diniatkan oleh penulis asal. Oleh itu, set andaian dalam teknik PTL ini tidak konsisten dengan teks sumber. Dengan kata lain yang lebih mudah, teknik PTL yang digunakan menyebabkan terjemahan yang dihasilkan salah.

Peta Minda


Bagi memudahkan pemahaman dan analisis tentang teknik PL dan PTL dalam penterjemahan

SB maka berikut ini diperturunkan peta minda bagi analisis tersebut (*Rajah 1, 2, 3 dan Jadual 1*).


KESIMPULAN

Berdasarkan analisis deskriptif dan analisis peta minda maka dapatlah disimpulkan bahawa TR yang menggunakan PL amat sesuai digunakan dalam penterjemahan BF seperti simpulan bahasa. Selain ciri asal dapat dikekalkan maka interpretasi tepat sesuatu penterjemahan juga dapat diketahui. Sebenarnya, teknik PL menguji minda manusia bagi membuat deduksi sesuatu ujaran. Proses ini akan berlaku dalam kognisi

manusia dan dijana secara psikologi. Proses begini akan menajamkan minda manusia daripada menerima sesuatu maklumat yang diterima secara bulat-bulat. Hal inilah yang menyebabkan TR berbeza dengan teori atau pendekatan lain dalam tradisi pengajian ilmu penterjemahan moden. Teori-teori lain hanya melihat hasil atau produk terjemahan yang sudah terhasil sedangkan TR cuba melihat apa yang berlaku sebelum produk itu terhasil. Meskipun teknik PL ini kelihatan agak kabur pada mulanya tetapi apabila minda manusia dijana maka hasil yang diterima adalah berbaloi. Selain ciri asal



Data Simpulan Bahasa



BF: Bahasa Figuratif, PL: Penterjemahan Langsung, PTL: Penterjemahan Tidak Langsung, TSA: Teks Sumber Arab, TSM: Teks Sasaran Melayu

Rajah 1: Peta minda simpulan bahasa

Syayatin al-riyah

↓
Teknik PL (syaitan-syaitan angin)

- A) syaitan yang membawa angin
- B) syaitan yang berbentuk angin
- C) angin deras (puting beliung)

taj al-syaraf

↓
Teknik PL (mahkota kehormatan)

- A) mahkota lambang kehormatan
- B) mahkota setaraf kehormatan
- C) mahkota berlian

al-wazir al-awwal

↓
Teknik PL (menteri pertama)

- A) menteri yang paling awal dilantik
- B) menteri paling kanan
- C) menteri paling tua (senior)

radiyan kulla al-rida

↓
Teknik PTL(hati tenang)


- A) hati tenang
- B) tidak gelisah

PL: Penterjemahan Langsung, PTL: Penterjemahan Tidak Langsung

Rajah 2: Set andaian dalam penterjemahan simpulan bahasa

JADUAL 1
Analisis data simpulan bahasa (ciri-ciri perbandingan PL/PTL)

PL	PTL
1. setiap makna diterjemah	1. tidak diterjemah
2. makna SB difahami	2. SB difahami
3. kekalkan semua ciri asal TSA	3. ciri TSA gugur
4. makna tepat	4. makna tepat
5. jujur dan setia dengan TSA	5. tidak setia
6. berbentuk penterjemahan tulen	6. tafsiran/agakan
7. menghasilkan set andaian	7. satu/dua andaian
8. menguji minda pembaca	8. tidak menguji



Rajah 3: Kebaikan TR (melalui TR) dalam penterjemahan simpulan bahasa

dapat dikekalkan, yang lebih penting makna sebenar sesuatu penterjemahan itu dapat juga diketahui.

Sesungguhnya analisis begini dapat memerkasakan lagi konsep bahasa itu sendiri. Bahasa bukan hanya berlaku di luar minda, iaitu bahasa yang dapat didengar atau dibaca tetapi proses bahasa juga berlaku di dalam minda manusia lagi. Proses inilah yang memartabatkan manusia sebagai makhluk Allah S.W.T. yang terbaik sekali kerana kuasa bahasa yang ada pada mereka.

RUJUKAN

- AINON MUHAMMAD dan ABDULLAH HASSAN. 1993. *Kamus Peribahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publication.
- BAHJAT, AHMAD. 1984. *Masrur wa Maqrur*. Kaherah: Al-Mukhtar al-Islamiy.

GUTT, E.A. 1991. *Translation and Relevance: Cognition and Context*. Oxford: Basil Blackwell.

NAHMAR JAMIL. 1987. *Masrur dan Maqrur (terj.)*. Shah Alam: Marwilis Publisher @ Distributors Sdn. Bhd.

NOR HASHIMAH JALALUDDIN. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(Diterima: 8 April 2003)